

27 FEB 1998

Ekspedisi

MALAYSIA MAHU BUAT TERJUNAN DI KUTUB UTARA

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Selepas berjaya menjejakkan kaki di Gunung Everest pada Mei tahun lepas, Malaysia kini mahu menjadi negara pertama di Asia membuat penerjunan di Kutub Utara.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mengumumkan program Ekspedisi Terjun Kutub Utara yang dirancang oleh Persatuan Payung Terjun Malaysia dan dinaungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini adalah usaha baik bagi membuktikan keupayaan rakyat Malaysia dalam penerokaan ke seluruh pelusuk dunia selepas kejayaan projek Everest tahun lepas," katanya pada persidangan berita di pejabatnya hari ini.

Katanya program seperti itu akan menguji ketahanan remaja negara ini dalam mengharungi cabaran dan rintangan di samping melebarkan penerokaan Malaysia ke Antartika.

Menurut Muhyiddin seramai 23 orang termasuk 12 penerjun profesional yang kebanyakannya terdiri daripada anggota komando Tentera Udara, Darat, Laut serta Polis akan menyertai ekspedisi dari 1 hingga 20 April ini.

Katanya program yang akan menelan belanja RM1 juta itu disokong oleh Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) di samping menerima bantuan serta penajaan daripada pihak swasta.

"KBS hanya memberi sokongan moral dalam usaha untuk menjayakan program ini, dan kita berharap agar pihak-pihak swasta dapat tampil ke hadapan untuk memberi sokongan," kata Muhyiddin.

Menurut Presiden Persatuan Payung Terjun Malaysia yang juga ketua ekspidisi itu Abdul Rahim Dahalan, kesemua 23 peserta akan bertolak ke Moscow pada 1 April untuk mengadakan latihan sebelum melakukan terjunan itu pada 20 April.

Katanya para penerjun akan melakukan penerjunan dari ketinggian 12,000 kaki dan pendaratan akan dilakukan berdekatan dengan Lapangan Terbang Ais milik tentera Rusia.

"Kami berniat untuk mengerjakan solat sunat di sana sebaik sahaja kesemua penerjun selamat sampai ke tempat pendaratan," kata Abdul Rahim yang juga merupakan seorang daripada penerjun profesional negara.

Selain itu, Kanada dan Amerika Syarikat dikatakan berminat untuk menyertai ekspedisi itu.

Ekspedisi itu akan dilancarkan secara rasmi oleh Dr Mahathir pada 30 Mac. -- BERNAMA

ZMA NMO